



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA SEGERA** **SARAWAK HARI INI MEREKODKAN ENAM (6) LAGI KES BAHARU** **POSITIF COVID-19**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Sarawak hari ini merekodkan **enam (6) lagi** kes baharu positif COVID-19, menjadikan jumlah bilangan kes di Sarawak sebanyak **414 kes** sejak kes positif pertama dilaporkan pada 13 Mac 2020. Daripada 6 kes tersebut, 4 kes dirawat di Hospital Umum Sarawak dan 2 kes dirawat di Hospital Bintulu.

Manakala, sebanyak **105 kes baharu** *Person Under Investigation* (PUI) dilaporkan dan **126 kes PUI** masih menunggu keputusan makmal.

Pada hari ini terdapat **empat (4) lagi** kes positif **telah sembuh dan telah discaj dari hospital** menjadikan jumlah keseluruhan kes adalah **68**. Kesemua 4 kes positif telah sembuh tersebut adalah dari Hospital Umum Sarawak.

#### **2. PEMANTAUAN TEMPOH PKP**

- a) Pada hari ini, pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan adalah sebanyak **97%**. Semalam pihak Polis telah menangkap **141 orang** kerana melanggar PKP.

b) Sehingga hari ini, sejak tempoh PKP bermula 18 Mac, sebanyak **1,235 orang** telah ditangkap.

### **3. PENEMPATAN SEMUA RAKYAT SARAWAK (DARI LUAR NEGARA / SEMENANJUNG / SABAH DAN LABUAN) DI SURVEILLANCE CENTER**

- a) Sehingga hari ini seramai **1,493 orang** telah dikuarantin di 16 buah hotel di seluruh negeri Sarawak. Daripada 1,493 seramai 186 telah lengkap menjalani tempoh kuarantin dan telah dibenarkan pulang ke rumah.
- b) Pada hari ini seramai **7 orang lagi** (*Person Under Surveillance*) baru telah mendaftar masuk di hotel. Daripada jumlah tersebut, 5 orang daripadanya ditempatkan di Wasan inn, Bintulu dan 2 orang di Hotel Purnama, Limbang.

### **4. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA**

- a) Terdapat kes positif di kalangan rakyat Malaysia yang pulang dari Indonesia melalui KLIA dan dan kes positif dari Kuching dan Miri yang baru balik dari Luar Negara dan Kuala Lumpur. Oleh yang demikian, JPBN telah menambahbaik SOP yang sedia ada seperti berikut.
- i. Semua rakyat Sarawak yang balik dari Semenanjung / Sabah / Labuan yang akan di Kuarantin selama 14 hari dimana mereka tiba (destinasi terakhir) iaitu (Kuching / Sibul / Bintulu / Miri). Mereka akan diambil sampel (PCR Swab) pada hari ke tujuh, dan sekiranya keputusan adalah Negatif, mereka akan dibenarkan pulang dan menyambung semula Kuarantin di rumah sampai habis 14 hari.

- ii. Berkuatkuasa serta merta, semua penumpang domestik (dalam Sarawak) dikehendaki untuk mengisi borang *e-Health Declaration* yang disediakan dalam laman web <http://sdmc.sarawak.gov.my>.
- iii. Dari masa ke semasa, JPBN akan menambahbaik SOP ini berdasarkan situasi terkini dan kes-kes yang telah dilaporkan.

## **6. RUMUSAN**

Sarawak berada di dalam keadaan yang terkawal dengan kadar pematuhan PKP **97%**. Saya menyeru agar rakyat Sarawak terus mematuhi arahan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan demi mengekang penularan COVID-19 ini daripada terus merebak.

**(STAY AT HOME, STOP THE SPREAD AND SAVE LIFE)**

**SEKRETARIAT**

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

**20 APRIL 2020**

**4.30 PETANG**

**MAKLUMAT TAMBAHAN****1. STATISTIK KES PUI BAHARU MENGIKUT DAERAH 20.04.2020.**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Kuching	64
2	Samarahan	16
3	Serian	11
4	Bau	4
5	Betong	4
6	Bintulu	2
7	Lundu	1
8	Sri Aman	1
9	Saratok	1
10	Sarikei	1
<b>JUMLAH</b>		<b>105</b>

**2. PEMATUHAN PKP**

Berikut adalah kes Tangkapan Harian mengikut Daerah (sehingga 20.04.2020 @ 8.00 pagi).

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH ORANG</b>
1	Kuching	45
2	SPadawan	22
3	Miri	18
4	Mukah	6
5	Kota Samarahan	5
6	Sarikei	5
7	Limbang	5

8	Sibu	4
9	Saratok	4
10	Meradong	4
11	Serian	3
12	Betong	3
13	Kapit	3
14	Bintulu	2
15	Bau	2
16	Lubok Antu	2
17	Simunjan	2
18	Belaga	2
19	Dalat	2
20	Sri Aman	1
21	Julau	1
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>141</b>

### 3. MAKLUMAT *SURVEILLANCE CENTER* DI HOTEL

(Data sehingga 20.04.2020 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>HOTEL</b>	<b>BILANGAN PUS</b>
1	Kuching	Hock Lee	33
2		Rajah Court Dormani	83
3		Kuching Park	78
4		Pullman	255
5	Miri	Mega	52
6		Somerset	22
7		Ostay Inn	19

8		Cosy Inn	48
9		Imperial Palace	144
10		Eastwood Resort	18
11		Imperial	132
12		Kingwood	26
13		Paragon	68
14	Limbang	Purnama	78
15	Bintulu	Wasan Inn	19
16		Park City Everly	232
<b>Jumlah PUS</b>			<b>1,307</b>

#### **4. OPERASI PBT DAN NYAHCEMAR**

Pada hari ini, sebanyak **14 lokasi operasi nyahcemar** telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif lokasi di Bahagian di Sarawak adalah **266 lokasi** seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	Kuching	91
2	Miri	62
3	Limbang	23
4	Bintulu	22
5	Sarikei	19
6	Samarahan	19
7	Sri Aman	11
8	Betong	7
9	Kapit	7
10	Sibu	4

11	Serian	1
<b>Jumlah</b>		<b>266</b>